



AHLI Persatuan Seni Silat Brunei dan UMS-KAL bergambar kenangan di Dewan Utama UMS-KAL.

Persatuan Pencak Silat Brunei lawat UMS-KAL

UB 14.06.2012 B5

LABUAN : Seramai 25 orang Ahli Persatuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan muhibah ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 9 Jun lalu.

Lawatan itu diketuai oleh Tuan Guru Haji Sulaiman Haji Bakar selaku wakil Persatuan Seni Silat Cengkaman Harimau Ghaib Brunei Darussalam bersama Airol Shahrizam wakil Persatuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam.

Rombongan persatuan silat itu telah disambut oleh Penasihat Kelab Seni Silat Sendeng Malaysia UMS-KAL Zuffary Haji Ahmad serta jurulatih kelab, Anuar Berzuri dan Badaruddin Hj Ibrahim.

Turut hadir ahli-ahli Kelab Seni Silat Sendeng Malaysia UMS-KAL, Kelab Silat Olahraga UMS-KAL dan Kelab Sendeng Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Malaysia (PSSTLDM).

Lawatan muhibah ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara Seni Silat Brunei dan Persatuan Seni Silat Sendeng

Malaysia.

Penerangan mengenai Persatuan Seni Silat Sendeng Malaysia telah disampaikan oleh Zuffary Ahmad sementara wakil dari Silat Cengkaman Harimau Ghaib Brunei juga turut memberi penerangan tentang silat mereka.

Pada malam tersebut, persembahan tari silat telah dipersembahkan oleh wakil dari Brunei

dan UMS-KAL. Persembahan tersebut sungguh mengagumkan para penonton.

Zuffary berharap hubungan dua hala antara kedua-dua persatuan silat itu akan terus kukuh sekaligus menjalin hubungan antara negara Brunei dengan Wilayah Persekutuan Labuan selain bertukar-tukar pendapat mengenai persatuan silat masing-masing.



SULAIMAN (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Zuffary diperhatikan wakil Majlis Perwakilan Pelajar, Ab Fikri Hakim (kanan).